

PERMOHONAN UNTUK MEMPERBAHARUI PERMIT IKLAN DAN JUALAN DI BAWAH PERATURAN 9, PERATURAN-PERATURAN PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) (PINDAAN) 2002

<i>Bil.</i>	<i>Dokumen yang diperlukan</i>	<i>Keterangan</i>
1.0	BORANG PERMOHONAN	
	Borang Jadual F (Borang Permohonan Pembaharuan Permit Iklan dan Jualan),	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat iringan (covering letter) mesti disertakan.</i> • <i>Borang permohonan hendaklah dipastikan ditandatangani dengan sempurna; dan dicatatkan nama, no. k/p, bertarikh, dan jawatan penandatanganan, serta dicop/meteri am syarikat.</i> • <i>Nombor lot pemajuan pada borang hendaklah sama dengan lot pada lesen pemaju. Jenis rumah, bilangan unit, serta harga terendah dan tertinggi (berdasarkan senarai harga jualan) bagi setiap jenis rumah hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam borang</i>
2.0	DOKUMEN SOKONGAN	
2.1	Salinan lesen pemaju perumahan dan permit iklan & jualan yang masih sah	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Surat kelulusan hendaklah sah tempoh kuatkuasanya dan mencatatkan dengan jelas lot tanah, jenis rumah, dan bilangan unit yang sama sepertimana dalam borang permohonan</i>
2.2	Salinan senarai harga bagi baki setiap unit yang masih belum dijual	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Harga baki unit mesti sama dengan yang tercatat dalam senarai harga jualan asal</i> • <i>Harga jualan mesti dipastikan sama dengan kelulusan permit terdahulu dan tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya tanpa memaklumkan dan mendapat kelulusan Pengawal Perumahan terlebih dahulu.</i>
2.3	Tiga (3) salinan deraf iklan – Brosur (dimestikan), Akhbar, Papatanda, dan lain-lain iklan (pilihan) yang mencatatkan butiran pemajuan sepertimana kehendak Peraturan 6, PPP (K&P) 1989.	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Brosur mesti mengandungi pelan lantai tipikal dengan perincian ukuran ruang (bilik, dapur, ruang tamu, dll) yang jelas dan spesifikasi dalam Bahasa Malaysia</i> • <i>Penyataan ‘...tertakluk kepada pindaan...’ dan logo Jabatan/Agensi Kerajaan mesti dibatalkan daripada deraf iklan</i> • <i>Tarikh jangka siap dan tarikh tamat pajakan mesti dinyatakan secara spesifik bulan dan tahunnya</i> • <i>Catatkan harga terendah dan tertinggi (harga bukan Bumiputera) dalam iklan, serta bilangan unit untuk dijual</i>

		<ul style="list-style-type: none"> • <i>Deraf iklan hendaklah yang terbaru dan telah dipinda dengan mencatatkan butiran pemajuan yang terbaru seperti bilangan baki unit, harga terendah dan tertinggi, dan apa-apa jua kenyataan yang terkandung di dalam Peraturan 6, Peraturan yang sama sepertimana di catatan di bawah.</i> • <i>Borang permohonan mesti mencatatkan baki unit yang masih belum dijual dengan jelas. Sekiranya masih tiada sebarang penjualan dilakukan ketika permohonan pembaharuan Permit Iklan dan Jualan, maka penjelasan perlu diberikan.</i> <p><u>Catatan:</u></p> <p><i>BUTIRAN YANG PERLU DIMASUKKAN KE DALAM DRAF IKLAN DI BAWAH PERATURAN 6, PERATURAN-PERATURAN PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2002</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <i>(i) Nama pemaju beserta alamat lengkap dan no. telefon</i> <i>(ii) No. lesen pemaju dan permit iklan & jualan beserta tempoh sahlaku</i> <i>(iii) Jenis Pegangan tanah – Kekal/Bebas, Pajakan, Rezab Melayu, dsb. Jika berstatus Pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan</i> <i>(iv) Bebanan (gadaian) tanah – nyatakan nama institusi gadaian</i> <i>(v) Nama Pihak Berkuasa / Majlis yang meluluskan</i> <i>(vi) No. kelulusan Pihak Berkuasa / rujukan pelan bangunan</i> <i>(vii) Tarikh projek dijangka siap – nyatakan bulan dan tahunnya</i> <i>(viii) Harga jualan terendah dan tertinggi serta jumlah unit bagi setiap jenis rumah</i> <i>(ix) Bilangan unit rumah(Baki)</i>
2.4	Laporan pengesahan juruaudit bahawa Akaun Pemaju Perumahan telah diselenggara dengan baik sepertimana kehendak Seksyen 7A Akta yang sama	